



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

*Parliamentary Debates*

## KAMAR KHAS

*Special Chamber*

PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA

---

**Bil. 35**

**Khamis**

**26 Oktober 2017**

---

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Memohon Jabatan Mufti dan JAWI memberi Penjelasan  
Isu Kubur Terpesong dari Arah Kiblat**  
– YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar (*Lembah Pantai*) [Halaman 1]
- **Pemasangan Sistem Maklumat Elektronik (EIS)**  
– YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng (*Lanang*) [Halaman 5]

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGKAL KELIMA  
MESYUARAT KETIGA  
Khamis, 26 Oktober 2017**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ada permintaan khas daripada Yang Berhormat Menteri dan juga dipersetujui bersama oleh Yang Berhormat Lembah Pantai untuk memulakan ucapan usul di bawah Mesyuarat 17 Baharu, jadi saya minta kebenaran daripada Yang Berhormat Lanang untuk memberikan laluan terlebih dahulu kepada Yang Berhormat Lembah Pantai. Cuma, jangan jadikan ini *precedent* di dalam Dewan besar kita, ya. Kalau boleh begitu, dipersilakan. Nanti Setiausaha jemput.

**Memohon Jabatan Mufti dan JAWI memberi Penjelasan  
Isu Kubur Terpesong dari Arah Kiblat**

**2.35 ptg.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada 31 Julai 2017, satu laporan polis telah dibuat oleh pengadu yang mengenal pasti hampir 20 buah kubur baharu di Tanah Perkuburan Islam Kawasan C, Pantai Dalam tersasar lebih 30 darjah daripada penanda arah kiblat yang diletakkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI) sebagai panduan kiblat.

Kesalahan kubur baharu yang kiblatnya terpesong amat jelas memandangkan tanda kiblat kubur daripada JAWI itu hanya terletak 50 meter sahaja daripada kubur baharu yang dibina.

Terdapat beberapa orang anak kariah Masjid Al-Khadijah cuba mendapatkan penjelasan daripada kariah dan pengurusan tanah perkuburan. Namun, tiada sebarang penjelasan jelas daripada mana-mana pihak mengenai kedudukan sebenar pusara tersebut. Pihak anak kariah masjid juga telah membuat aduan kepada pihak JAWI dan Mufti Wilayah Persekutuan mengenai kelemahan ini. Lawatan ke atas tanah perkuburan bagi melihat pusara yang terpesong juga telah dijalankan oleh Pejabat JAWI dan Mufti Wilayah.

Namun, sehingga kini belum ada lagi sebarang laporan mutakhir mengenai kes ini dan pihak anak kariah masjid masih lagi menunggu penjelasan daripada pihak berwajib. Lebih membimbangkan, pihak berwajib terus mendiamkan diri dan terdapat tujuh buah pusara baharu Tuan Yang di-Pertua, yang terpaksa dikendalikan dalam keadaan masih terpesong dari arah kiblat.

Justeru, demi kemaslahatan fardu kifayah, sewajarnya pihak Jabatan Mufti dan JAWI segera 'turun padang' dan memberikan penjelasan kepada pihak kariah terhadap kebimbangan yang sedang terjadi ini.

Dengan penghormatan yang tinggi, dicadangkan agar Mufti Wilayah Persekutuan dan pihak JAWI meneliti, memperkemaskan dan mengeluarkan fatwa sebagai panduan rasmi dalam menyelesaikan masalah kubur yang terpesong daripada arah kiblat. Menerusi Irsyad Al-Fatwa kurun ke-56 mengenai hukum memindahkan kubur mengikut syariat Islam yang dikeluarkan oleh Pejabat Mufti Wilayah pada 29 Julai 2015, wajar dijadikan salah satu panduan dalam membincangkan tentang masalah kubur terpesong dari kiblat.

Dicadangkan juga agar pihak JAWI dan Mufti Wilayah mengkaji dan menyelia semula setiap tanah perkuburan Islam di Wilayah Persekutuan bagi memastikan setiap pusara dan urusan penguburan mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh pihak JAWI. Terima kasih.

### **2.38 ptg.**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila Yang Berhormat Menteri. Istimewa hari ini Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri juga hadir bersama. Istimewanya untuk menjawab atau melayan Yang Berhormat Lembah Pantai? Dua-dua, ya. *[Ketawa]*

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai dan terima kasih

kepada Tuan Yang di-Pertua, juga terima kasih khusus kepada rakan-rakan, Yang Berhormat Lanang dan juga Menteri Kewangan yang mengizinkan untuk laluan Peraturan Mesyuarat 17 Baharu ini, mengizinkan untuk dipercepatkan atau mendahulukan jadual yang telah diatur.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya lupa kerana tahniah kerana datang ke Dewan ini ialah saya pun tadi rasa besar hati bila Yang Berhormat Lembah Pantai tanya soalan ini kepada saya. Jadi sebab itu saya hadir sendiri dan Timbalan saya pun ingin sama hadir untuk bersama-sama meraikan Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya mengucapkan terima kasih sekali lagi mengenai 22 buah kubur baharu di Tanah Perkuburan Islam Kawasan C, Pantai Dalam yang tersasar lebih daripada 30 darjah dari penanda aras kiblat. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan dan juga keprihatinan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menjelaskan latar belakang yang agak sedikit perlu diperjelaskan iaitu yang sebagai mana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat, pada 4 Julai 2017, Jabatan agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah menerima aduan daripada pengadu. Selanjutnya JAWI dan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan telah menjalankan pemeriksaan dan penentuan arah kiblat di Tanah Perkuburan Islam Kawasan C, Pantai Dalam, Kuala Lumpur iaitu pada 14 Julai 2017 pada hari Jumaat terhadap 20 buah kubur sebagaimana yang telah dinyatakan yakni kubur baharu khususnya dan semua kubur di tanah perkuburan ini amnya.

■1440

Hasil daripada pemeriksaan dan penentuan arah kiblat tersebut mendapati:

- (i) penanda arah kiblat yang dibina oleh JAWI telah disahkan oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan adalah tepat dan menghadap ke arah kiblat (azimuth kiblat iaitu 292 darjah 33 minit 35 saat);
- (ii) daripada penemuannya, mendapati kedudukan kubur di Tanah Perkuburan Islam Kawasan C, Pantai Dalam, Kuala Lumpur adalah menghadap ke arah kiblat sebagaimana yang telah diukur. Namun begitu, telah berlaku pesongan beberapa darjah plot binaan atas kubur tetapi tidak menjejaskan kubur berkenaan di mana kedudukannya masih lagi menghadap ke arah kiblat. Ini disebabkan kerana bentuk muka bumi tanah perkuburan itu yang berlereng dan berbukit sehingga menyebabkan berlaku perkara tersebut;

- (iii) hasil penentuan arah kiblat ini mendapati semua kubur lama di tanah perkuburan itu juga berlaku pesongan kecil yang masih diterima oleh hukum syarak yang menetapkan selagi mana kedudukan dada si mati, maksudnya semasa kita letakkan dalam liang kuburan itu, dada si mati tidak membelakangkan kiblat, maka keadaan tersebut masih boleh diterima.

Isu ini juga telah dibangkitkan melalui artikel yang telah disiarkan oleh akhbar *Harian Metro*, 22 Julai 2017 bertajuk "*Pusara Terpesong*". JAWI telah memberikan maklum balas dan disiarkan oleh akhbar yang sama pada 25 Julai 2017. Maksudnya, "*Pusara Terpesong*", 22 Julai 2017, 25 Julai 2017 dijawab dengan tajuk "*Tidak Perlu Ubah Pusara Tersasar Kedudukan*". Antara lain telah pun dijelaskan iaitu :

- (i) dua buah pusara daripada 20 buah keseluruhan pusara yang kelihatan sedikit tersasar daripada arah kiblat. Ini disebabkan semasa proses penimbunan tanah atas pusara dilakukan menyebabkan keadaan plot pusara tersebut tersasar sedikit daripada arah kiblat. Walau bagaimanapun, ia tidak menyebabkan jenazah tersebut terpalang dari arah kiblat sepenuhnya; dan
- (ii) perbincangan dengan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan memutuskan bahawa tiada keperluan untuk menggali semula dan mengubah kedudukan pusara. Pihak pengurusan perkuburan hanya perlu mengubah kedudukan batu nisan mengikut arah kiblat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, tindakan yang diambil oleh JAWI dan Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dalam hal ini adalah seperti berikut:

- (i) mengubah timbunan tanah di atas 20 kuburan baharu yang terlibat bagi memastikannya mengikut arah kiblat yang tepat dengan berpandukan kepada penanda aras kiblat yang telah dibina;
- (ii) menambah penanda arah kiblat kecil di setiap lereng-lereng bukit sebagai panduan kepada penggali kubur. Ahli Jawatankuasa Masjid Al-Khadijah, Pantai Dalam, Kuala Lumpur bersetuju untuk juga menyumbang dan sedang dalam tindakan untuk menyedia dan memasang 15 buah penanda arah kiblat

tersebut di setiap lereng bukit di dalam kawasan Tanah Perkuburan Islam Kawasan C, Pantai Dalam, Kuala Lumpur.

Selain itu, pemakluman dan penjelasan kepada ahli kariah telah dibuat, iaitu:

- (i) Ahli Jawatankuasa Masjid telah menampal keratan akhbar dan jawapan dari Pengarah JAWI berkenaan kubur terpesong daripada arah kiblat di papan kenyataan masjid (25 Julai hingga 31 Julai 2017); dan
- (ii) pihak masjid juga telah membuat pengumuman dan penjelasan mengenai hasil penentuan arah kiblat di tanah perkuburan terbabit pada 28 Julai 2017.

Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Pantai kerana membangkitkan isu ini. Semoga dengan penjelasan saya ini, ianya dapat menyelesaikan salah faham di kalangan ahli kariah. Saya difahamkan bahawa laporan polis yang dibuat oleh pengadu pada 31 Julai 2017 telah ditarik balik pada hari yang sama setelah perbincangan antara pengadu dengan Ketua Imam Masjid Al-Khadijah, Pantai Dalam di Balai Polis berkenaan.

Ahli Yang Berhormat juga diharap dapat memaklumkan keadaan di kawasan dan juga di sekitar Lembah Pantai kedudukan sebenar kepada masyarakat khususnya ahli kariah agar keharmonian dapat dipelihara. Terima kasih, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

■1440

2.44 ptg.

### **Pemasangan Sistem Maklumat Elektronik (EIS)**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dengan membabitkan 7,000 premis peniaga yang berdaftar dengan Sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) akan mewajibkan kesemua mereka untuk memasang Sistem Maklumat Elektronik (EIS) ataupun peranti *Dongle* dalam *Point of Sale System (P.O.S)* atau mesin daftar tunai mereka bermulanya Julai tahun ini demi mengesan setiap transaksi peniaga. Antara enam sektor tersebut yang terlibat termasuklah industri makanan dan minuman, jualan runcit, barangan logam, kedai buku, farmasi dan sebarang yang berkaitan dengan perkhidmatan hiburan.

Sesungguhnya polisi sebegini yang mewajibkan premis terpilih untuk memasang sistem tersebut sudah menimbulkan persoalan dalam kalangan peniaga. Peniaga akan tertanya-tanya maklumat yang diperlukan untuk pemasangan sistem ini. Peniaga turut tidak mengetahui apakah maklumat yang akan diperolehi oleh sistem ini daripada komputer mereka.

Pelaksanaan sistem ini dalam mesin daftar tunai mungkin akan menyebabkan maklumat peniaga yang penting dan sulit terdedah. Maklumat tersebut termasuklah info pelanggan serta pembekal, kos sebenar produk dan jumlah wang simpanan syarikat. Sekiranya pemakaian sistem ini mengakibatkan info sedemikian tersebar, adakah JKDM rela untuk bertanggungjawab terhadapnya. Adakah JKDM telah diberikan kuasa untuk melaksanakan sistem sebegini yang mungkin mendedahkan maklumat peniaga lantaran sistem GST kini adalah agak sempurna dan peniaga tidak mungkinlah dapat mengelak daripada membayar GST.

Pelaksanaan sistem EIS kini adalah tidak wajar dan membazirkan sumber serta mendatangkan kesusahan kepada peniaga. Kini, kebanyakan mesin daftar tunai syarikat adalah dipenuhi dengan pelbagai maklumat sulit dan kandungan penting. Pemaksaan untuk menggunakan sistem EIS bukan sahaja tidak menjamin para peniaga, malah ini juga akan menyebabkan peniaga kehilangan keyakinan terhadap JKDM. Selama ini saya adalah berpendirian untuk membantah pelaksanaan GST. Namun kini, bukan sahaja GST telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, malah sistem EIS yang kononnya boleh mengesan peniaga yang mengelak daripada membayar GST telah diwajibkan pemasangannya dan sistem ini yang menyusahkan para peniaga adalah tidak boleh diterima.

Dalam sistem percukaian kini, saya mencadangkan pihak kerajaan untuk menambahbaikkan ataupun memperkasakan sistem GST dan bukannya memaksa dan mewajibkan peniaga untuk memasang sistem EIS. Perihal kerajaan yang mewajibkan peniaga untuk memasang sistem ini bukan sahaja membazirkan sumber kerajaan, malah hal ini turut mengundang reaksi negatif para peniaga terhadapnya.

Saya ingin tahu, berapakah peniaga yang telah memasang sistem tersebut. Berapakah kos yang telah dibelanjakan untuk memasang sistem ini dan siapakah yang menanggung kos pemasangan sistem tersebut. Adakah pihak kerajaan akan melaksanakan sistem ini kepada kesemua peniaga seluruh negara selepas ini. Sekian, terima kasih.

**2.48 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Wira Othman bin Aziz]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Alhamdulillah, wassalatuwassala muala rasulillah,* Yang Berhormat Lanang, Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang kita sedia maklum, pelaksanaan GST telah bermula pada 1 April 2015 bagi menggantikan sistem SST.

Bagi meningkatkan pungutan hasil dan mengatasi masalah ketirisan, JKDM telah meminda Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dengan memasukkan seksyen 34A dan 34B berkenaan pengemukaan maklumat melalui peranti atau, dengan izin, *GST Electronic Information System (EIS)* yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

*GST Electronic Information System (EIS)* merupakan peranti yang dipasang di setiap *Point of Sales System (P.O.S)* termasuk mesin tunai (*cash register*) yang terdapat di premis perniagaan dalam enam sektor yang telah ditetapkan iaitu restoran, kedai-kedai runcit, barangan logam, kedai buku, farmasi dan pusat-pusat hiburan, yang mana peranti ini akan merekodkan setiap transaksi jualan dan seterusnya menghantar data tersebut secara atas talian (*online*) kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Secara asasnya, EIS ini akan membantu JKDM dalam aktiviti penyemakan, pengauditan dan penyiasatan. Maklumat jualan yang dihantar secara *online* kepada JKDM boleh dibandingkan dengan maklumat jualan yang di ikrar oleh peniaga melalui penyata GST-03. Sekiranya terdapat perbezaan, JKDM boleh mengambil tindakan sewajarnya. Langkah ini akan meningkatkan tahap pematuhan (*compliance*) di kalangan peniaga dan mengoptimumkan sumber JKDM di dalam mentadbir GST.

**■1450**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, maklumat yang di rekod, dihantar dan disimpan di JKDM adalah memenuhi keperluan pihak kerajaan dan ianya adalah selaras dengan keperluan di bawah Akta Perlindungan Data 2010 dan kerahsiaan maklumat ini terjamin serta dilindungi di bawah peruntukan seksyen 34B, Akta GST.

Selain daripada itu, EIS juga dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti berikut:

- (i) peranti EIS yang dipasang hanya boleh merekod dan menghantar maklumat ke JKDM dan seterusnya maklumat ini akan disimpan di dalam *server* yang ditempatkan di premis JKDM. Hanya pegawai JKDM tertentu sahaja yang boleh mengakses maklumat tersebut bagi tujuan semakan, pengauditan ataupun penyiasatan. Penggunaan kata laluan dan

- mekanisme *total access control* juga akan diguna pakai bagi tujuan kawalan keselamatan dan kerahsiaan maklumat;
- (ii) maklumat yang direkod dan dihantar oleh peranti ke JKDM adalah mengguna pakai talian komunikasi khusus melalui rangkaian persendirian maya (*access point name*);
  - (iii) penyimpanan dan penyulitan data (*data encryption*) adalah dengan menggunakan proses pengekodan (*coding*) maklumat terkini dan dikendalikan sepenuhnya oleh pegawai JKDM yang telah diberi kuasa; dan
  - (iv) peranti yang digunakan telah dilengkapi dengan aplikasi sistem dan pengenalan terminal yang selamat dari aktiviti pengklonan dan pendua.

Di samping itu, Peraturan-peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pengemukaan Maklumat) 2017 juga telah diwartakan pada 15 Jun 2017 dan dikuatkuasakan mulai 1 Julai 2017 bagi memastikan pelaksanaan pemasangan peranti ini adalah mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemasangan peranti ini sedang dibuat secara *pilot project* yang berkuat kuasa bermula pada bulan Julai 2017 ke atas premis perniagaan daripada sektor yang ditetapkan iaitu restoran-restoran dan pusat hiburan di Lembah Klang iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan KLIA.

Pendekatan untuk memilih premis tersebut adalah berasaskan perniagaan ini terlibat di dalam perniagaan secara tunai dan membuat pembekalan terus kepada pengguna akhir. Sehingga 17 Oktober 2017, sebanyak 2,212 premis telah dipasangkan dengan peranti EIS. Perincian premis yang dipasang EIS mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Kawasan</b>	<b>Jumlah Premis</b>
1	Selangor	812
2	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1,174
3	KLIA	226
<b>Jumlah</b>		<b>2,212</b>

Dalam peringkat *pilot project* ini, sebarang kos berhubung pemasangan peranti EIS adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak pembekal peranti sendiri memandangkan projek tersebut masih dalam peringkat percubaan. Dalam masa yang masa, kerajaan akan menilai dan melakukan analisa hasil berdasarkan perbandingan

dari data Penyata GST-03 dan data daripada pemasangan peranti. Ini adalah bagi melihat keberkesanan projek ini secara kolektif. Faktor seperti kos peranti dan penyelenggaraan, sistem, *reliability* produk turut akan dilihat dan dikaji. Keputusan analisa dan laporan produk akan dijadikan penentu aras untuk menentukan sama ada pemasangan seluruh negara akan diteruskan atau sebaliknya.

Aspek keperluan untuk memasang peranti ini ke seluruh negara perlu diperhalusi dengan lebih teliti termasuklah menjalankan analisa kos faedah jangka panjang kepada golongan peniaga dari segi penyediaan maklumat yang tepat dan lengkap demi menjamin tahap pematuhan yang tinggi dengan tambahan kos yang munasabah. Kerajaan akan sentiasa memastikan aspek kawalan, keselamatan dan kerahsiaan data serta maklumat yang diperolehi di bawah mana-mana sistem termasuk sistem EIS ini dijaga pada setiap masa. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih. Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 30 Oktober 2017.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.55 petang]***